



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***WACANA INSTAGRAM DALAM KALANGAN AHLI POLITIK TERPILIH DI
MALAYSIA***

NUR FIRZA SHAFIQA BINTI KHALID

FBMK 2020 58



**WACANA INSTAGRAM DALAM KALANGAN AHLI POLITIK TERPILIH DI
MALAYSIA**



**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,
Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah
Master Sastera**

September 2019

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis ini dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

WACANA INSTAGRAM DALAM KALANGAN AHLI POLITIK TERPILIH DI MALAYSIA

Oleh

NUR FIRZA SHAFIQA BINTI KHALID

September 2019

Pengerusi : Prof. Normaliza Abd Rahim, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Media sosial Instagram semakin diminati oleh semua lapisan masyarakat termasuklah golongan usahawan, anak seni, mahupun ahli politik. Kebelakangan ini, ramai ahli politik mula bergiat aktif di Instagram sebagai wadah penyebaran maklumat dan meraih sokongan rakyat. Seiringan dengan itu, kajian ini telah memfokuskan penulisan kapsyen dan komen di media sosial Instagram ahli politik dengan berlandaskan dua objektif, iaitu mengenal pasti wacana kapsyen Instagram dalam kalangan ahli politik dan menganalisis interpretasi komen masyarakat melalui Instagram ahli politik terpilih. Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah kualitatif, iaitu menganalisis teks daripada kapsyen dan komen di Instagram yang berpaksikan Teori Analisis Wacana. Kajian ini telah memilih 5 orang ahli politik secara rawak bertujuan kerana pemilihannya dibuat berdasarkan faktor ketokohan ahli politik tersebut. Seterusnya, sebanyak 100 kapsyen telah dipilih berdasarkan 5 ahli politik untuk dianalisis menerusi objektif yang pertama manakala sebanyak 45 komen masyarakat telah dipilih secara rawak bagi menganalisis objektif kedua. Keputusan kajian objektif pertama menunjukkan bahawa, wacana teks yang ditulis oleh ahli politik berperanan mempunyai peranan dalam mewujudkan konteks bahasa yang tersusun, kontekstual dan mudah diterima oleh pengguna bahasa. Keputusan objektif kedua pula menunjukkan wujudnya segelintir masyarakat yang telah menulis komen dengan melakukan pengandaian sendiri dan mengikut perasaan hingga mencetuskan kesan marah, kecewa dan gembira. Implikasi kajian ini jelas menunjukkan bahawa penggunaan media sosial Instagram dapat merapatkan hubungan antara ahli politik dengan masyarakat melalui penyaluran dan penerimaan maklumat khususnya berkaitan dengan isu politik Akhir sekali, diharapkan kajian mendatang dapat mengkaji wacana teks dalam bidang yang lain misalnya bidang kesihatan ataupun kekal memfokuskan bidang politik tetapi menggunakan media sosial yang berlainan.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the Degree of Master of Arts

INSTAGRAM DISCOURSE AMONG SELECTED POLITICIANS IN MALAYSIA

By

NUR FIRZA SHAFIQA BINTI KHALID

September 2019

Chair : Prof. Normaliza Abd Rahim, PhD
Faculty : Bahasa Moden dan Komunikasi

Instagram is a social media that is getting increasingly favoured by all levels of society including entrepreneurs, artistes, as well as politicians. Lately, many politicians have begun to be actively involved in Instagram as a platform for dissemination of information and gaining the people's support. In line with that, this study has focused on captions and comments in Instagram social media postings of politicians based on two objectives. which are identifying Instagram caption discourse among politicians, and analysing commentary interpretations of society through Instagram postings of selected politicians. This study was conducted using the qualitative approach by analysing texts from captions and comments in Instagram based on the Theory of Discourse Analysis. Five politicians were selected randomly based on their stature. Then, 100 captions were selected from the five politicians and analysed according to the first objective; while 45 comments were selected randomly from society and analysed based on the second objective. The results for the first objective showed that textual discourse by the politicians played an important role in creating language contexts that were organised, contextual, and easily deciphered by language users. However, the results for the second objective showed that a fraction of society commented based on individual assumptions, and according to their emotions that may lead to feelings of anger, frustrations or happiness. The implications of this study clearly showed that the use of Instagram is able to strengthen the relationship between politicians and society through dissemination and acceptance of information especially on political issues. Lastly, it is hopeful that future research is conducted to look into textual discourse in other fields, for example medicine, or continue to focus on politics but through other social media.

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirahim.

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan rahmatNya, akhirnya dapat menyempurnakan Tesis Bahasa Melayu sebagai syarat memenuhi kehendak bergraduan bagi memperoleh Ijazah Sarjana Bahasa Melayu

Terlebih dahulu, dengan kesempatan ini ingin menzahirkan perasaan syukur dan ingin merakamkan setinggi penghargaan dengan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada pihak-pihak yang telah banyak membantu bagi melaksanakan kajian ini. Penghargaan yang tidak terhingga turut diucapkan kepada Prof. Dr. Normaliza Abd Rahim selaku penyelia di atas kesabaran dan dedikasi beliau dalam membimbing, memberi nasihat, tunjuk ajar dan juga teguran yang berterusan untuk memastikan kajian ini berada pada landasannya.

Terima kasih tidak terhingga juga kepada ahli keluarga kerana telah banyak membantu dan memberi dorongan agar dapat menyempurnakan kajian ini dengan sebaik mungkin. Begitu juga dengan rakan-rakan seperjuangan yang sering membantu apabila memerlukan. Akhir kata, ribuan penghargaan kepada semua yang terlibat baik secara langsung mahupun tidak. Sekian, wassalam.

Nur Firza Shafiqah Binti Khalid
GS54614
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia.



Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut

Normaliza Abd Rahim, PhD

Profesor
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Roslina Mamat, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD
Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 10 Disember 2020

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- Tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- Setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- Tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di universiti putra malaysia atau di institusi lain;
- Hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak universiti putra malaysia, mengikut kaedah-kaedah universiti putra malaysia (penyelidikan) 2012;
- Kebenaran bertulis daripada penyelia dan pejabat timbalan naib canselor (penyelidikan dan inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam kaedah-kaedah universiti putra malaysia (penyelidikan) 2012;
- Tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut kaedah-kaedah universiti putra malaysia (pengajian siswazah) 2003 (semakan 2012-2013) dan kaedah-kaedah universiti putra malaysia (penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Nur Firza Shafiqah binti Khalid (GS54614)

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan:

Nama Pengerusi **Normaliza Abd Rahim, PhD**
Jawatankuasa **Profesor**
Penyeliaan: **Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi**
Universiti Putra Malaysia

Tandatangan:

Nama Ahli **Roslina Mamat, PhD**
Jawatankuasa **Profesor Madya**
Penyeliaan: **Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi**
Universiti Putra Malaysia

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i.
ABSTRACT	ii.
PENGHARGAAN	iii.
PENGESAHAN	iv.
PERAKUAN	v.
SENARAI JADUAL	xi.
SENARAI SINGKATAN	xii.
BAB	
1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar belakang kajian	1
1.3 Permasalahan kajian	4
1.4 Persoalan kajian	5
1.5 Objektif kajian	5
1.6 Kepentingan kajian	6
1.6.1 Masyarakat	6
1.6.2 Ahli politik	6
1.6.3 Pengguna <i>Instagram</i>	6
1.6.4 Individu	6
1.6.5 Penyelidik	7
1.7 Batasan kajian	7
1.8 Definisi operasional	9
1.8.1 Wacana <i>Instagram</i>	9
1.8.2 Ahli politik di Malaysia	9
1.9 Kesimpulan	10
2 SOROTAN KAJIAN	
2.1 Pengenalan	11
2.2 Kajian tentang analisis wacana	11
2.3 Kajian tentang penggunaan <i>Instagram</i>	17
2.4 Jurang penyelidikan	22
2.5 Kesimpulan	23
3 METODOLOGI	
3.1 Pengenalan	24
3.2 Reka bentuk kajian	24
3.3 Kaedah kajian	24
3.3.1 Sampel kajian	24

3.3.2	Instrumen	27
3.3.3	Prosedur	29
3.3.4	Teori	29
	3.3.5.1 Teori analisis wacana	30
3.3.5	Analisis data	31
	3.3.5.1 Analisis data objektif 1	31
	3.3.5.2 Analisis data objektif 2	33
3.4	Kerangka konseptual	35
3.5	Kesimpulan	36
4	KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN	
4.1	Pengenalan	37
4.2	Wacana kapsyen Instagram berdasarkan pola penggunaan bahasa	37
	4.2.1 Pola penggunaan bahasa berdasarkan tema keprihatinan	38
	4.2.2 Pola penggunaan bahasa berdasarkan tema keagamaan	44
	4.2.3 Pola penggunaan bahasa berdasarkan tema perpaduan	49
4.3	Interpretasi komen masyarakat melalui <i>Instagram</i> ahli politik terpilih di Malaysia	54
	4.3.1 Interpretasi terhadap komen S1	54
	4.3.2 Interpretasi terhadap komen S2	59
	4.3.3 Interpretasi terhadap komen S3	65
	4.3.4 Interpretasi terhadap komen S4	71
	4.3.5 Interpretasi terhadap komen S5	76
4.4	Kesimpulan	82
5	KESIMPULAN	
5.1	Pengenalan	84
5.2	Rumusan	84
5.3	Implikasi	85
	5.3.1 Golongan politik dan masyarakat	85
	5.3.2 Berkepentingan bagi rujukan pengkaji mendatang	85
	5.3.3 Pengguna media sosial kebertanggungjawaban individu	86
5.4	Kebaharuan	86
5.5	Cadangan	86
	5.5.1 Penguasaan bahasa Melayu dalam kapsyen pengiklanan <i>Instagram</i> (IG Review)	86
	5.5.2 Penggunaan bahasa Melayu di <i>Instagram</i> pakar kesihatan	87

5.5.3	Pendekatan bahasa Melayu di media sosial dalam kalangan ahli politik	87
5.6	Penutup	88
BIBLOGRAFI		89
LAMPIRAN		100
BIODATA PELAJAR		136
PENERBITAN		137



SENARAI JADUAL

Jadual		Muka surat
1.	Model Penerimaan Teknologi (Normaliza Abd Rahim, 2019b)	1
2.	Batasan dan justifikasi.	7
3.	Senarai Ahli Politik dan Kriteria Pemilihan.	24
4.	Teori Analisis Wacana oleh Nomaliza Abd Rahim (2019a)	30
5.	Sistem kod objektif 1	32
6.	Contoh analisis data objektif 1	32
7.	Sistem kod objektif 2	33
8.	Contoh analisis data objektif 2	34
9.	Jumlah tema kapsyen <i>Instagram</i> ahli politik	37
10.	Tema keprihatinan	38
11.	Tema keagamaan	44
12.	Tema perpaduan	49
13.	Aspek pendapat dalam kapsyen S1	54
14.	Aspek perujukan dalam kapsyen S1	56
15.	Aspek persoalan dalam kapsyen S1	57
16.	Aspek pendapat dalam kapsyen S2	59
17.	Aspek perujukan dalam kapsyen S2	61
18.	Aspek persoalan dalam kapsyen S2	63
19.	Aspek pendapat dalam kapsyen S3	65
20.	Aspek perujukan dalam kapsyen S3	66
21.	Aspek persoalan dalam kapsyen S3	69
22.	Aspek pendapat dalam kapsyen S4	71
23.	Aspek perujukan dalam kapsyen S4	72
24.	Aspek persoalan dalam kapsyen S4	74
25.	Aspek pendapat dalam kapsyen S5	76
26.	Aspek perujukan dalam kapsyen S5	78
27.	Aspek persoalan dalam kapsyen S5	80

SENARAI SINGKATAN

S	Subjek
K	Kapsyen
SPd	Subjek Pendapat
SPr	Subjek Perujukan
SPs	Subjek Persoalan



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bahagian ini akan menerangkan latar belakang kajian yang dijalankan khususnya berkaitan wacana tekstual di media sosial *Instagram* dengan memberi penumpuan terhadap ahli politik di Malaysia. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan menggunakan teori analisis wacana sebagai paksi utama dalam menganalisis data agar lebih terperinci sekali gus dapat menjawab permasalahan dan persoalan yang dihadapi untuk dijadikan objektif kajian. Bersangkutan itu, bahagian ini turut menerangkan kepentingan kajian serta melakukan pembatasan mengikut kesesuaian dan kehendak kajian.

1.2 Latar Belakang

Dasawarsa ini, kemajuan teknologi di zaman moden tidak dapat disangkal lagi terutamanya dalam bidang teknologi baharu seperti teknologi komputer, media digital, rangkaian komunikasi dan juga teknologi berasaskan internet. Menurut Normaliza Abd Rahim (2020), wacana media sosial dan wacana teknologi adalah dua perkara yang berbeza. Hal ini jelas wacana media sosial terdiri daripada *Instagram, Facebook, Twitter, Youtube, e-mel* dan sebagainya manakala wacana teknologi terdiri daripada wawancara televisyen, animasi, filem, drama, dan sebagainya. Walau bagaimanapun, model penerimaan teknologi (Jadual 1 di bawah) telah diperkenalkan oleh Normaliza Abd Rahim (2019b) sebagai kesaksamaan dalam penerimaan pengguna terhadap teknologi digital kini.

Faktor dalaman	Faktor luaran
<ul style="list-style-type: none">• Keselesaan• Faham• Percaya• Tumpuan• Sikap• Keberkesanan diri	<ul style="list-style-type: none">• Mudah penggunaan• Sistem yang berkualiti• Pengaruh• Kepentingan (usefulness)

Jadual 1: Model Penerimaan Teknologi (Normaliza Abd Rahim, 2019b).

Jadual 1 di atas adalah Model Penerimaan Teknologi oleh Normaliza Abd Rahim (2019b) yang mengandungi dua faktor iaitu faktor dalaman dan luaran. Model Penerimaan Teknologi tersebut telah memainkan peranan penting dalam kehidupan seharian pengguna teknologi agar mereka dapat memanfaatkan dan menggunakan teknologi dengan selesa. Faktor pertama

adalah faktor dalaman yang merangkumi keselesaan, faham, percaya, tumpuan, sikap dan juga keberkesanan diri. Manakala faktor kedua adalah faktor luaran yang merangkumi mudah penggunaan, sistem berkualiti, pengaruh dan juga kepentingan. Tidak dapat disangkal bahawa kedua-dua faktor dalam Model Penerimaan Teknologi oleh Normaliza Abd Rahim (2019b) amat memberi kepentingan tersendiri kepada pengguna teknologi.

Ekoran dari itu, kemajuan teknologi kini telah mendominasi platform penyebaran maklumat kerana segala informasi dapat disalurkan dengan cara paling efektif, mudah dan pantas. Hal ini berbeza dengan media lama atau dikenali sebagai media tradisional seperti media cetak, media siaran, dan juga media elektronik. Menurut Wan Idros Wan Sulaiman et al. (2017), kemajuan teknologi telah mengubah bentuk komunikasi manusia melalui beberapa frasa perkembangan sekali gus menjadikan penggunaan media sosial dalam kalangan masyarakat semakin berkembang maju. Walaupun demikian, sejak akhir-akhir ini, perkembangan teknologi telah membawa kepada cetusan kecanggihan media sosial kerana pengguna dapat mengakses sesuatu aplikasi dengan menggunakan alat mudah alih dan hanya bergantung pada akses internet (Sohana Abdul Hamid, 2016). Sehubungan dengan itu, bagi merealisasikan kemampuan tersebut, media sosial perlu menggabungkan tiga elemen utama iaitu teknologi, perbualan, dan perkongsian maklumat (Siti Ezaleila Mustafa & Azizah Hamzah, 2011).

Pada hakikatnya, kemudahan yang tersedia di media sosial telah dianggap sebagai membentuk ikatan sosial tanpa batasan dalam kalangan manusia. Dalam pada itu, gabungan elemen multimedia seperti video, gambar, teks dan juga audio telah memudahkan pengguna untuk berinteraksi, berbincang, menghantar dan berkongsi maklumat secara atas talian (Wan Idros Wan Sulaiman et al., 2017). Sehubungan itu, penggunaan telefon pintar atau gajet diikuti dengan kemajuan internet mampu melonjakkan teknologi dalam kehidupan manusia ke suatu tahap yang penting pada masa hadapan. Tambahan lagi, penggunaan media sosial dalam negara Malaysia juga bukan suatu perkara yang asing. Hal ini demikian kerana kemunculan kepelbagaian teknologi berasaskan internet telah mencetuskan pelbagai pilihan kepada pengguna media sosial. Dalam pada itu, kecanggihan gajet dan internet juga menjadikan sesebuah media sosial berkembang dengan pesat dan memudahkan pengguna untuk mengakses segala aplikasi seperti *Facebook*, *Instagram*, *Twitter*, *Youtube* dan lain-lain (Mohd Azul Mohammad Salleh & Nurul Madiha Mohd Ilham, 2017).

Menyentuh tentang media sosial, Gilberston (2010) menyatakan bahawa sejarah perkembangan media sosial bermula pada tahun 1978 dengan penemuan sistem papan buletin oleh Ward Christensen dan Randy Suess yang membolehkan pengguna memuat turun segala informasi. Lantaran itu, papan buletin ini berfungsi sebagai medium komunikasi yang menggunakan surat elektronik dan memerlukan penggunaan internet pada saluran telefon berteknologi tinggi. Setelah itu, pelbagai jaringan media sosial telah wujud dan semakin berkembang dari tahun ke tahun. Misalnya, jaringan sosial

SixDegree.com merupakan media sosial pertama diwujudkan pada tahun 1997 (*richworksnow.com*) dengan mempunyai ciri-ciri profil, pesanan dan juga rakan. Rentetan dengan itu, media sosial kian berkembang kepada media *Blogger* yang wujud pada tahun 1999, *MySpace* pada tahun 2003, *Facebook* pada tahun 2004 dan kian berkembang sejak tahun 2006 sehingga ke hari ini, serta kemunculan pelbagai aplikasi media sosial yang baharu seperti *Wechat*, *Twitter*, *Instagram* dan banyak lagi (Nor Aslamiah Ali, 2012).

Sehubungan dengan itu, kajian ini hanya tertumpu pada penggunaan media sosial *Instagram*. Hal ini kerana, penggunaan *Instagram* semakin mendapat perhatian pengguna media sosial bukan sahaja di negara Malaysia, bahkan di seluruh dunia. Secara dasarnya, *Instagram* berada dalam kategori media sosial jenis perkongsian media kerana *Instagram* merupakan sejenis aplikasi yang membenarkan pengguna untuk menyebarkan dan memuat naik segala informasi yang berbentuk multimedia seperti teks, gambar, audio dan lain-lain lagi (MAMPU). Menurut Mottola (2016), *Instagram* telah diasaskan oleh dua orang pengusaha yang bernama Kevin Systrom dan Mike Krieger bermula pada tahun 2010. Perkataan *Instagram* adalah gabungan dua istilah, iaitu "Instan" yang membawa maksud cepat atau mudah dan juga merujuk kepada kamera *polaroid* yang boleh mencetak gambar dalam beberapa saat sahaja. Seterusnya, perkataan "Gram" diambil daripada istilah *Telegram* yang membawa maksud medium pengirim informasi. Jelaslah bahawa, istilah *Instagram* membawa maksud penyampai maklumat bergambar yang cepat (MJ Suhaimi, 2018).

Selanjutnya, menurut MJ Suhaimi (2018), sebelum kemunculan nama *Instagram*, pengasas utama *Instagram* yang bernama Kevin telah terinspirasi dari aplikasi minuman keras dan menamakannya sebagai *Burbn*. Rentetan dengan itu, aplikasi *Burbn* ini telah dinilai dan diperbaharui semula dengan memfokuskan kepada satu perkara sahaja iaitu gambar. Dalam pada itu, *Burbn* juga telah memperincikan teknik fotografi bertujuan untuk mencantikkan gambar dengan penambahan elemen *filter*. Namun begitu, aplikasi *Burbn* ini masih mempunyai kekurangan dari aspek sosial dan telah ditambahbaik dengan penggunaan "komen" dan "like" (*anakkost.tv*). Pada masa yang sama, pengasasnya telah melakukan penjenamaan semula aplikasi *Burbn* kepada *Instagram*. Kemudian, setelah lapan minggu *Instagram* ditubuhkan, Kevin dan Krieger telah berkongsi aplikasi *Instagram* tersebut kepada rakan-rakan mereka untuk dijadikan sebagai bahan uji kaji dan melakukan baik pulih terhadap beberapa masalah yang telah dikenal pasti sebelum melancarkan penggunaannya. Akhirnya, pada 6 Oktober 2010 adalah tarikh rasmi pelancaran aplikasi *Instagram* (*medium.com*).

Pada hakikatnya, seiring dengan kemajuan yang dialami *Instagram*, terdapat beberapa pihak ingin turut serta dalam memajukan aplikasi tersebut. Menurut McDuling (2014), pengasas *Twitter*, iaitu Jack Dorsey telah melakukan penawaran sebanyak USD500 kepada pengasas *Instagram* pada tahun 2011 tetapi penawaran tersebut telah ditolak. Setelah itu, pengasas *Instagram* sekali lagi mendapat tawaran oleh Mark Zuckerberg, iaitu pengasas *Facebook*

dengan penawaran sebanyak USD 1 billion dan telah diterima oleh Kevin dan Krieger pada tahun 2012 (Eka Indriani, 2017). Ini bermakna *Instagram* telah menjadi milik *Facebook* yang sah sehingga ke hari ini. Kebelakangan ini, aplikasi *Instagram* yang semakin canggih dengan penambahan beberapa kandungan seperti mesej secara terus (direct message), iaitu pengguna dapat menulis atau menyampaikan pesanan kepada orang yang diigini secara tertutup. Tambahan lagi, *Instagram* juga mempunyai video pendek *Instagram* atau dikenali sebagai (*Story IG*). Kegunaan video pendek tersebut membolehkan pengguna berkongsi pelbagai gambar dan video tanpa kluatir jumlah penghantaran (post). Hal ini demikian kerana, video pendek tersebut tidak mempunyai had penghantaran namun segalanya akan hilang dalam tempoh waktu 24 jam (Noraien Mansor & Normaliza Abd Rahim, 2017a). Seterusnya, *Instagram* juga memperkenalkan siaran langsung *Instagram (IG Live)* dan terbaharu adalah *IGTV* yang membolehkan pengguna memuat naik video dalam durasi masa yang panjang berbanding sebelum ini. Menyedari hakikat tersebut, kecanggihan yang ada pada *Instagram* telah menjadi aplikasi *Instagram* sesuatu yang berbeza daripada aplikasi yang lain seperti *Twitter*, *Youtube*, *Flickr*, *Telegram*, dan lain-lain. (Noraien Mansor & Normaliza Abd Rahim, 2017a; Noraien Mansor & Normaliza Abd Rahim, 2019).

Akhir sekali, keistimewaan *Instagram* telah menyebabkan ramai pengguna memuat turun aplikasi tersebut sekali gus telah menjadi pilihan kegemaran pengguna di seluruh dunia dengan mencatat sebanyak 500 juta pengguna setakat tahun 2016 (Noraien Mansor & Normaliza Abd Rahim, 2019). Namun begitu, negara Malaysia juga tidak ketinggalan untuk menggunakan aplikasi *Instagram* tersebut, bahkan Malaysia telah mencatatkan peratusan yang tinggi dalam kalangan negara di Asia Tenggara. Hal ini dapat dibuktikan dengan sumber yang dikeluarkan oleh akhbar *Utusan Online*, iaitu pengembangan sebanyak 4.4 peratus, iaitu bersamaan dengan 38 juta pengguna yang aktif sehingga Mac 2018 (Nabila Yasmin Razib, 2019). Hal ini bermakna *Instagram* telah diterima baik oleh semua golongan masyarakat di negara Malaysia termasuklah golongan ahli politik yang aktif menggunakan *Instagram*.

1.3 Permasalahan kajian

Kajian Faizul Abd Hamid & Mohd Azidan Abdul Jabar (2019) tentang wacana bahasa politik tidak menunjukkan sebagai wacana yang berkesan dan utuh sama ada secara lisan mahupun tulisan. Hal ini berlaku kerana sesetengah ahli politik menggunakan wacana politik hanya berbentuk metafora yang bersifat ideologi semata-mata untuk mempengaruhi golongan sasaran hingga mendatangkan kekeliruan kepada sasaran (Agbo, Kadiri & Ijem, 2018). Kajian tersebut telah menyokong kajian yang dilakukan oleh Mohd Zuwairi Mat Saad & Normah Mustaffa (2016) dan Ali Salman et al. (2018) iaitu ahli politik berperanan dalam menentukan keberkesanaan berbahasa melalui kandungan media sosial terutamanya dalam aspek tatabahasa serta struktur ayat yang tidak jelas boleh mendatangkan kekeliruan kepada pembaca. Kajian Faizul Abd Hamid & Mohd Azidan Abdul Jabar (2019), Agbo, Kadiri & Ijem (2018), Mohd Zuwairi Mat Saad & Normah Mustaffa (2016) dan Ali Salman et al. (2018) dilihat selari dengan kajian Normaliza Abd Rahim (2019) dengan

mengatakan penggunaan ayat yang mudah difahami amat digalakkan dalam sesuatu wacana agar tidak mendatangkan kekeliruan kepada kumpulan sasaran. Bertitik tolak daripada itu, kajian ini ingin mengenal pasti wacana kapsyen *Instagram* dalam kalangan ahli politik terpilih di Malaysia.

Kajian Hari Kusmanto & Christina Purbawati (2019) dan Raja Nur Afifah Raja Zulkifli et al. (2018) tentang penulisan kapsyen di *Instagram* ahli politik tidak memberikan kesan baik kepada pengguna *Instagram* bahkan mereka tidak menunjukkan kesopanan berbahasa ketika memberikan pendapat dalam penulisan komen. Hal ini berlaku kerana kebanyakan masyarakat sering menulis komen dengan menggunakan emosi marah terhadap ahli politik berkenaan. Penulisan komen yang negatif juga boleh berlaku kerana segelintir masyarakat tidak bersetuju dengan penulisan kapsyen yang ditulis oleh ahli politik terbabit dan ingin menunjukkan protes mereka melalui penulisan komen tersebut. Begitu juga dengan kajian yang dijalankan oleh Ali Salman et al. (2018), Asih Ria Ningsih & Rita Arianti (2018), Mohd Azul Mohamad Salleh & Nurul Madiha Mohd Ilham (2017) dan Ainal Akmar Ahmad et al. (2016) dengan mengatakan pengguna media sosial tidak menggunakan bahasa yang sopan dan sering menggunakan kata-kata negatif ketika menulis di ruangan komen *Instagram* ahli politik. Hal ini bermakna, jurang penyelidikan adalah tidak kesopanan masyarakat dalam melontarkan kata-kata atau memberi pendapat di ruangan komen. Justeru itu, kajian ini akan menganalisis interpretasi komen masyarakat melalui *Instagram* ahli politik terpilih di Malaysia bagi menjelaskan kepelbagaian ragam yang diperolehi dari penulisan komen berkenaan.

1.4 Persoalan kajian

- 1) Sejauh manakah wacana kapsyen *Instagram* dalam kalangan ahli politik terpilih di Malaysia?
- 2) Sejauh manakah interpretasi komen masyarakat melalui *Instagram* ahli politik terpilih di Malaysia

1.5 Objektif kajian

- 1) Mengenal pasti wacana kapsyen *Instagram* dalam kalangan ahli politik terpilih di Malaysia.
- 2) Menganalisis interpretasi komen masyarakat melalui *Instagram* ahli politik terpilih di Malaysia.

1.6 Kepentingan kajian

1.6.1 Masyarakat

Penggunaan media sosial adalah satu perkara yang harus dimiliki oleh setiap golongan masyarakat kini terutamanya *Instagram*. Hal ini kerana, kepelbagaian kemudahan yang tersedia ada di dalam aplikasi *Instagram* telah memberikan sumbangan yang besar kepada masyarakat untuk saling berhubung antara satu sama lain. Oleh hal yang demikian penggunaan bahasa melalui penulisan dalam media sosial dalam kalangan masyarakat amat dipandang berat dan harus diambil perhatian oleh pihak-pihak tertentu.

1.6.2 Ahli politik

Bagi setiap pengguna media sosial dalam kalangan ahli politik, kajian ini sedikit sebanyak dapat memberikan informasi terhadap penggunaan dan penguasaan bahasa yang ditelaah ditulis oleh seseorang ahli politik. Hal ini juga, kajian ini dapat dijadikan panduan kepada ahli politik bagi memperbaiki segala kelemahan terhadap penulisan kapsyen *Instagram* yang di akaun milik mereka.

1.6.3 Pengguna *Instagram*

Penggerak pada kegunaan terhadap sesuatu media sosial termasuklah *Instagram* adalah bergantung pada penggunanya sendiri. Oleh hal yang demikian kajian ini dapat membantu pengguna *Instagram* bagi mengesan segala kebaikan dan keburukkan terhadap bahasa yang telah ditinggalkan oleh pengguna *Instagram* yang lain. Hal ini demikian kerana, penggunaan bahasa yang negatif dalam kalangan pengguna *Instagram* dapat mendatangkan kesan buruk kepada sesetengah pihak.

1.6.4 Individu

Sebagaimana penggunaan media sosial *Instagram* telah mendatangkan kepentingan terhadap sesuatu kumpulan masyarakat. Begitu juga, kepentingan *Instagram* terhadap seseorang individu. Hal ini kerana, media sosial *Instagram* telah digunakan untuk mencari dan berkongsi sebarang maklumat termasuklah hal politik. Oleh itu, kajian ini mendatangkan kepentingan kepada individu untuk mengetahui perkara-perkara yang sering dimuat naik oleh sesetengah ahli politik serta penggunaan bahasa yang digunakan dalam mempengaruhi pembaca lain.

1.6.5 Penyelidik

Kepelbagaian kajian yang dilakukan terhadap penggunaan media sosial telah banyak diperolehi. Namun kajian yang dijalankan sebelum ini tidak banyak yang menjurus kepada penggunaan media sosial terutamanya dalam kalangan ahli politik. Hal ini kerana, terdapat beberapa kekangan yang perlu dihindari

agar tidak mengganggu sensitiviti sesetengah pihak. Walau bagaimanapun, dengan kajian yang dilakukan ini dapat memberi ruang kepada penyelidik lain dan mendatangkan kepentingan untuk mereka meneruskan kajian seperti ini.

1.7 Batasan kajian

Batasan	Justifikasi
1) Bahan kajian – <i>Instagram</i>	<ul style="list-style-type: none"> Dikenali dan diminati hampir satu dekad dari tahun 2010 hingga 2019. Statistik mencatat peratusan yang tinggi dimuat turun oleh pengguna di Malaysia
2) Sampel – i. Ahli politik	<ul style="list-style-type: none"> 5 orang ahli politik di Malaysia. Terdiri daripada pelbagai latar belakang dan bidang ketokohan: Terdiri daripada pelbagai kelompok antaranya pemegang jawatan tertinggi, pemimpin pengerusi parti, wakil politik wanita, pendidikan Ahli politik yang dipilih: Tun Dr. Mahathir, Puan Seri Dr. Wan Azizah, Datuk Azmin Ali, YB. Syed Saddiq, Dato' Seri Anwar Ibrahim
ii. Pengguna <i>Instagram</i>	<ul style="list-style-type: none"> Dipilih secara rawak. 45 pengguna <i>Instagram</i> yang berlainan.
3) Jumlah pemilihan kapsyen	<ul style="list-style-type: none"> 100 kapsyen bagi 5 orang ahli politik 20 kapsyen sahaja bagi setiap ahli politik Pemilihan 3 tema tertinggi berdasarkan 5 ahli politik Pemilihan data telah dibataskan dari 1 Januari 2018 hingga 31 Ogos 2019.
4) Teori Analisis Wacana	<ul style="list-style-type: none"> Beberapa prinsip Teori Analisis Wacana Normaliza Abd Rahim (2019a) Penelitian berfokus pada pola penggunaan bahasa

Jadual 2: Batasan dan justifikasi.

Jadual 2 di atas menunjukkan beberapa batasan kajian yang hendak dilakukan berserta justifikasi. Bertitik tolak dari pernyataan di atas, kajian ini telah dibataskan kepada tiga bahagian iaitu bahan kajian, jumlah pemilihan kapsyen dan sampel kajian. sehubungan itu, bahan kajian telah dibataskan kepada media sosial *Instagram* sahaja sebagai bahan asas kajian. Justifikasi pemilihan *Instagram* kerana *Instagram* kini semakin mendapat perhatian dalam kalangan masyarakat tanpa mengira peringkat umur dan pangkat. Tambahan pula, statistik menunjukkan *Instagram* telah mencatat peratusan yang tinggi dimuat turun dalam kalangan pengguna media sosial di Malaysia. Ini dapat dibuktikan lagi bahawa *Instagram* merupakan golongan aplikasi yang berada di

kedudukan empat teratas setelah *Facebook*, *Whatsapp* dan *Facebook Messenger* sejak satu dekad, iaitu dari tahun 2010 hingga 2019 (Aman, 2019).

Bertitik tolak dari itu, batasan seterusnya adalah sampel kajian yang tertumpu kepada ahli politik dan juga pengguna *Instagram*. Sampel yang pertama adalah berdasarkan pemilihan 5 orang ahli politik yang mempunyai perbezaan latar belakang dan bidang ketokohan yang diwakili kesemua ahli politik tersebut. Justifikasi 5 orang ahli politik yang dipilih adalah terdiri daripada pelbagai kelompok misalnya, pemegang jawatan tertinggi, pemimpin pengerusi parti, wakil politik wanita, pendidikan dan sebagainya. Justeru itu, ahli politik yang menepati kriteria yang dinyatakan tersebut ialah Tun Dr. Mahathir, Puan Seri Dr. Wan Azizah, Datuk Azmin Ali, YB. Syed Saddiq, Dato' Seri Anwar Ibrahim. Manakala, sampel kedua dalam kajian ini ialah pengguna *Instagram*, iaitu sebanyak 45 pengguna *Instagram* ataupun komen yang berlainan telah dipilih secara rawak dalam ruangan komen *Instagram* ahli politik.

Batasan seterusnya tertumpu kepada jumlah pemilihan kapsyen *Instagram* iaitu sebanyak 100 kapsyen bagi kelima-lima ahli politik terpilih. Hal ini bermakna, sebanyak 20 kapsyen telah dihadkan bagi setiap ahli politik untuk dianalisis dalam objektif satu. Walau bagaimanapun, analisis data akan dibataskan berdasarkan pemilihan 3 tema tertinggi yang disampaikan dalam kapsyen ahli politik. Oleh itu, dalam konteks kajian ini, penelitian akan tertumpu kepada 3 tema iaitu tema keprihatinan, keagamaan, dan perpaduan. Setelah itu, sebanyak 45 buah komen telah dipilih untuk dianalisis bagi objektif yang kedua iaitu menganalisis interpretasi komen masyarakat dalam komen *Instagram* ahli politik terpilih. Hal ini jelas, konteks dalam kajian ini akan mengkaji penggunaan wacana *Instagram* dalam kalangan ahli politik dan juga pengguna *Instagram* di ruangan komen. Walau bagaimanapun, tempohambilan data dalam kajian ini telah ditetapkan dan dibataskan dari tarikh 1 Januari 2018 hingga 31 Ogos 2019 sahaja.

Batasan terakhir ialah berdasarkan prinsip teori. Kajian ini telah menggunakan Teori Analisis Wacana Normaliza Abd Rahim (2019a) sebagai paksi dalam menganalisis data. Teori ini mengandungi 3 elemen iaitu kandungan yang merujuk kepada tema. Kemudian, konteks merujuk kepada tatabahasa, latar dan emosi dan terakhir ialah andaian merujuk kepada persoalan, pendapat dan perujukan. Namun, dalam analisis kajian ini hanya beberapa prinsip yang terdapat dalam teori tersebut iaitu tema, latar dan emosi digunakan bagi meneliti pola penggunaan bahasa khususnya dalam objektif satu. Kemudian, elemen andaian yang berteraskan prinsip persoalan, pendapat dan perujukan akan dianalisis berdasarkan objektif kedua. Hal ini bermakna, beberapa prinsip dalam Teori Analisis Wacana Normaliza Abd Rahim (2019a) telah digunakan bagi meneliti pola penggunaan bahasa.

1.8 Definisi operasional

1.8.1 Wacana *Instagram*

